

LAPORAN PERKEMBANGAN PESERTA

KURSUS ASAS PERNIAGAAN YANG BERJAYA

DITAJA OLEH:

HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT CORPORATION

DIKENDALIKAN OLEH:

EXCELLENCE SKILLS AND ENTREPRENEURSHIP
CENTER SDN BHD





ISI

1. RINGKASAN SEKUTUP

2. PENGENALAN EXCELLENCE SKILLS & ENTREPRENEURSHIP CENTER SDN BHD

3. OBJEKTIF KURSUS

4. KATA ALUAN PENGARAH URUSAN

5. KOLEKSI GAMBAR SEPANJANG KURSUS

6. PERKEMBANGAN PESERTA

RINGKASAN EKSEKUTIF

KURSUS INI MENSASARKAN GOLONGAN WARGA EMAS DAN PESARA DI MANA MEREKA ADALAH:

- **ORANG PERSEORANGAN YANG BERMINAT UNTUK MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN DAN JUGA KEPADA USAHAWANA SEDIA ADA YANG INGIN MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI DIRI SEBAGAI SEORANG USAHAWAN.**
- **KURSUS INI DILAKSANAKAN UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN, GALAKAN, KESEDARAN DAN MINAT TERHADAP BIDANG KEUSAHAWANAN YANG BOLEH DICEBURI SEIRING DENGAN KEPERLUAN PASARAN. PENDEKATAN INI SEKALIGUS MAMPU MEMBANTU GOLONGAN WARGA EMAS DAN PESARA DALAM MENJANA PENDAPATAN MEREKA DENGAN MENUBUHKAN PERNIAGAAN.**
- **KURSUS INI SESUAI UNTUK GOLONGAN WARGA EMAS DAN PESARA AGAR KEMAHIRAN YANG DIPEROLEH BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENJANA PENDAPATAN DAN MENAMBAHKAN KEMAHIRAN UNTUK USAHAWAN SEDIA ADA.**
- **PEMUDAH CARA YANG BERKELAYAKAN DAN BERPENGALAMAN TERDIRI DARIPADA PAKAR INDUSTRI, AHLI AKADEMIK DAN SYARIKAT KORPORAT.**

PENGENALAN EXCELLENCE SKILLS & ENTREPRENEURSHIP CENTER SDN BHD

EXCELLENCE SKILLS AND ENTREPRENEURSHIP CENTER MERUPAKAN SEBUAH SYARIKAT YANG MENYEDIAKAN KURSUS KEMAHIRAN BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG MAMPU UNTUK BERSAING DALAM BIDANG EKONOMI YANG SEMAKIN MENCABAR PADA ERA GLOBALISASI INI. KURSUS YANG DITAWARKAN ADALAH KURSUS YANG DIRANGKA UNTUK DILAKSANAKAN BAGI MELAHIRKAN PELATIH YANG BERJAYA DAN BERPRESTASI TINGGI DALAM BIDANG KEMAHIRAN DALAM JANGKA MASA YANG SINGKAT.

KURSUS-KURSUS YANG DILAKSANAKAN ADALAH BERDASARKAN KEMAHIRAN YANG AMAT DIPERLUKAN OLEH SEORANG INDIVIDU DI ALAM PEKERJAAN PADA MASA KINI DIMANA KEMAHIRAN TEKNIKAL AMAT DIPERLUKAN OLEH PELBAGAI AGENSI TERKINI. TIDAK DAPAT DISANGKA BAHAWA KECERMELANGAN DALAM BIDANG AKADEMIK AMAT PENTING BAGI SEORANG PEKERJA, NAMUN KECERMELANGAN DALAM KEMAHIRAN TEKNIKAL JUGA AMAT DIPERLUKAN BAGI MELAHIRKAN SEORANG PEKERJA YANG BERPRESTASI TINGGI SERTA DAPAT BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

OLEH SEBAB ITU, EXCELLENCE SKILLS AND ENTREPRENEURSHIP CENTER TELAH MENYEDIAKAN PELBAGAI KURSUS SERTA PROGRAM YANG MAMPU MEMBANTU PEKERJA DI MALAYSIA MENINGKATKAN POTENSI DIRI MASING-MASING SERTA MEMBERI MANFAAT KEPADA WARGA SARAWAK KHASNYA AGAR SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

OBJEKTIF KURSUS

- MENDEDAHKAN PESERTA KEPADA SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI CEMERLANG.
- MENDALAMI ILMU KEPERLUAN-KEPERLUAN ASAS DIRI SEBAGAI PENGURUS/ PENTADBIR ORGANISASI.
- MEMANTAPKAN DIRI DALAM PENGURUSAN, PEMBANGUNAN DAN PENGUKUHAN ORGANISASI.
- MELAHIRKAN PENGURUS/ PEMIMPIN YANG SENTIASA BERSEDIA DALAM APA JUA SITUASI.

KATA ALUAN PENGARAH URUSAN

- **DENGAN SEGALA RASA SYUKUR, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MEMBERIKAN SOKONGAN DAN KOMITMEN DALAM MENJALANKAN KURSUS INI, KURSUS ASAS KEPADA PERNIAGAAN YANG BERJAYA - SEBA. SATU PENGHARGAAN DAN KEPERCAYAAN KEPADA KAMI SEBAGAI PENGENDALI PROGRAM.**
- **SEBAGAI PENGARAH URUSAN, SAYA AMAT BERBESAR HATI MELIHAT USAHA BERSAMA INI YANG MEMAPARKAN PELBAGAI MAKLUMAT PENTING SERTA CERITA INSPIRASI. DIHARAPKAN LAPORAN INI TIDAK HANYA MENJADI RUJUKAN, TETAPI JUGA MENJADI SUMBER MOTIVASI DAN SEMANGAT UNTUK TERUS MAJU DAN BERUSAHA MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM SETIAP BIDANG YANG DICEBURI.**
- **SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA STAF, RAKAN-RAKAN, SERTA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENGLIBATAN SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG ATAS KEJAYAAN KURSUS INI. SEMOGA USAHA INI DAPAT MEMBERI MANFAAT YANG BERPANJANGAN KEPADA SEMUA DAN MEMBERI IMPAK YANG POSITIF DALAM PERJALANAN KITA BERSAMA.**
- **AKHIR KATA, SEMOGA KERJASAMA KITA SEMUA AKAN MEMBUAHKAN HASIL DAN AKAN ADANYA KERJASAMA BERSAMA HRDF UNTUK MEMBERI PELUANG PADA EXCELLENCE SKILLS & ENTREPRENEURSHIP CENTER SEBAGAI PENYEDIA LATIHAN BUAT MEREKA, "EXCEL FUTURE WITH US!"**
- **SEKIAN, TERIMA KASIH.**
- **PN. RUTH STEPHEN JIMOS**
- **PENGARAH URUSAN,**
- **EXCELLENCE SKILLS & ENTREPRENEURSHIP CENTER**



KOLEKSI GAMBAR SEPANJANG KURSUS



SESI PENDAFTARAN DAN SUAI KENAL





HARI PERTAMA KURSUS



HARI KEDUA KURSUS



HARI KETIGA KURSUS



HARI KEEMPAT KURSUS



HARI KELIMA KURSUS




IMPAK / PERKEMBANGAN KURSUS



Pekerjaan : Berniaga Sendiri
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

ZARAH BINTI ZAWAWI

Bismillahirrahmanirrahim. Terlebih dahulu terima kasih kepada pihak penganjur atas kursus yang diadakan. Sangat berguna buat saya sebagai bekas pesara yang ingin menceburi bidang perniagaan. Banyak yang telah saya pelajari sepanjang kursus, sebagai contoh cara mengiklankan produk perniagaan dan cara mengendalikan perniagaan dengan lebih teratur. Saranan saya buat masyarakat di luar sana, sekiranya ada lagi kursus seperti ini, marilah kita beramai-ramai mengikutinya kerana sangatlah berguna buat kita, khusus buat para peniaga yang baru berjinak dalam bidang perniagaan.




HASIL PESERTA



Pekerjaan : Tukang Urut
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

LABIAH BINTI YUSOP

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada HRD Corp atas tajaan penuh kursus ini, tidak lupa juga buat pengendali kursus, Excellence Skills & Entrepreneurship Center. Melalui kursus ini, saya dapat mempelajari cara mengiklankan perniagaan saya dengan menggunakan aplikasi seperti FB Pages, Whatsapp dan sebagainya. Saranan saya, moga kursus seperti ini akan diteruskan lagi di masa akan datang dan perbanyakkan pendedahan kepada peniaga di luar sana.



HASIL PESERTA

MARZUKI BIN HUSSAIN

Pekerjaan : Berniaga Sendiri
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada HRD Corp yang menganjurkan kursus seperti ini, dan pihak yang mengendalikan kursus, Excellence Skills. Ini adalah peluang di mana kami didedahkan tentang apa itu keusahawanan. Dari Kursus selama 5 hari, kami telah mempelajari beberapa kaedah keusahawanan. Kami diperkenalkan dengan Strategy Thinking atau cara pengurusan dan pasaran sekeliling. Selain itu, kami juga mempelajari apa itu modal, misi, visi dan objektif perniagaan kita supaya dapat menentukan ke mana arah perniagaan kita. Sekali lagi saya berterima kasih banyak kepada pihak penganjur atas kursus yang dijalankan. Saranan saya untuk di luar sana, marilah sertai kursus seperti sekiranya pada masa akan datang kerana banyak yang akan dipelajari. Terima kasih



HASIL PESERTA



Pekerjaan : Pengerusi Persatuan Ibu
Tunggal
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

HORRY BINTI BUJANG

Saya mewakili Persatuan Ibu Tunggal Sarawak Cawangan Miri ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada HRDCORP, selain itu terima kasih juga buat Excellence Skills atas mengendalikan kursus ini dimana saya tidak boleh mencari sebarang kesalahan dan kekurangan dari apa yang telah dipelajari dalam bidang perniagaan. Apa yang saya dapat daripada kursus ini adalah dapat membantu saya membuka minda dalam zon perniagaan dan membantu saya yang sudah lewat usia dalam penggunaan media sosial, cara memulakan perniagaan, pemasaran dan pelan pemasaran yang bukan mudah untuk kami yang lebih tua. Terima kasih sekali lagi kepada HRDCORP dan Excellence Skills.



HASIL PESERTA



Pekerjaan : Tukang Urut
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

KAIDAH BINTI JAIS

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada HRD Corp atas tajaan penuh terhadap kursus 5 hari ini dan tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Excellence Skills atas pengendalian kursus yang sangat bagus. Sangat berguna kursus seperti ini buat saya sebagai tukang urut untuk mengatur strategik pengiklanan dan cara saya mendapatkan pelanggan, terima kasih sekali lagi dari saya. Moga kursus seperti ini diperbanyakkan lagi pada masa akan datang.



HASIL PESERTA



Pekerjaan : Berniaga Sendiri
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

ISMAIL BIN LIAN

Salam Sejahtera semua, saya merupakan pesara dari Oil & Gas, dan sekarang saya merupakan peniaga kecil. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur dan pengendali kursus atas kurus yang dijalankan iaitu "Kursus Asas Perniagaan Yang Berjaya" . Kursus ini saya mendapati banyak kemahiran yang tidak diketahui khususnya buat saya seperti cara mengiklankan perniagaan di media sosial. Saya telah belajar satu aplikasi untuk membuat poster perniagaan saya. Saya berharap pihak di luar atau orang ramai, mari beramairamai kita ikuti kursus seperti ini sekiranya akan ada lagi nanti. Sangat berguna. Terima kasih!



HASIL PESERTA




Pekerjaan : Berniaga Sendiri
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

NORYA BINTI

KADERI@KEDRI

Jutaan terima kasih buat pihak penganjur atas penganjuran kursus seperti ini. Saya rasa bersyukur kerana mengikuti Kursus Asas Perniagaan Yang Berjaya kerana banyak yang telah saya pelajari. Sebagai contoh, saya dapat mempelajari cara membuat facebook pages untuk bisnes, cara buat poster dan cara buat ketas kerja. Pengalaman yang sangat bermakna buat saya yang baru untuk berjinak dalam bidang perniagaan. Akhir kata, terima kasih HRDC, terima kasih Excellence Skills.



HASIL PESERTA



Pekerjaan : Tukang Jahit
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

SETI SEROYA BINTI AHMAD

Hasil daripada mengikuti kursus ini, saya telah mempelajari cara yang mudah menggunakan media sosial untuk mengembangkan perniagaan saya. Sebagai contoh cara menggunakan Fb Pages, pengiklanan di aplikasi Whatsapp dan tidak lupa juga menyediakan kertas kerja bagi perniagaan yang saya ada. Di situ, saya juga dapat melihat bagaimana cara untuk mengukuhkan perniagaan, cara mengiklankan dengan betul dan cara yang benar untuk membahagikan untung dan modal bagi setiap perniagaan. Dengan ini saya sangat berterima kasih kepada penganjur dan pengendali kursus atas peluang yang diberikan kepada saya. Terima kasih HRDC dan Excellence Skills.



HASIL PESERTA



Pekerjaan : Tukang Jahit
Landasan Media
<https://linkmix.co/32545365>

SETI SEROYA BINTI AHMAD

Hasil daripada mengikuti kursus ini, saya telah mempelajari cara yang mudah menggunakan media sosial untuk mengembangkan perniagaan saya. Sebagai contoh cara menggunakan Fb Pages, pengiklanan di aplikasi Whatsapp dan tidak lupa juga menyediakan kertas kerja bagi perniagaan yang saya ada. Di situ, saya juga dapat melihat bagaimana cara untuk mengukuhkan perniagaan, cara mengiklankan dengan betul dan cara yang benar untuk membahagikan untung dan modal bagi setiap perniagaan. Dengan ini saya sangat berterima kasih kepada penganjur dan pengendali kursus atas peluang yang diberikan kepada saya. Terima kasih HRDC dan Excellence Skills.



HASIL PESERTA